

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 MAC 2024

AKHBAR : TVS

PAUTAN : <https://www.tvsarawak.my/2024/03/11/parlimen-rmk13-sasar-kurangkan-pekerja-asing-secara-drastik/>

Parlimen: RMK13 sasar kurangkan pekerja asing secara drastik



KUALA LUMPUR, 11 Mac: Kerajaan menasaskan untuk mengurangkan jumlah pekerja asing secara drastik menerusi pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), Dewan Rakyat dimaklumkan hari ini. Foto Envato.

KUALA LUMPUR, 11 Mac: Kerajaan menasaskan jumlah pekerja asing dalam negara akan dikurangkan secara drastik menerusi pembentangan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), Dewan Rakyat dimaklumkan hari ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, sekiranya negara terus bergantung kepada pekerja asing yang dianggarkan berjumlah sekitar 3.5 juta orang, ia akan mewujudkan kumpulan yang menawarkan perkhidmatan pada kos yang lebih murah sehingga menjejaskan peniaga tempatan.

Jelas Rafizi, ke arah menjayakan perkara itu, ia memerlukan dasar serta kerjasama industri.

“Setiap kali pentadbir (kerajaan) sebelum ini ingin mengurangkan pekerja asing, ia akan mendapatkan bantahan.

“Majlis Tindakan Ekonomi Negara pada April ini akan membincangkan mekanisme khusus untuk kurangkan pekerja asing secara berkala.

“RMK13 tahun depan akan letakkan sasaran pengurang pekerja asing yang lebih drastik, saya sebut di Parlimen hari ini supaya industri dan ekonomi kita bersedia lebih awal,” katanya di sini hari ini.

Rafizi menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Shahar Abdullah (Barisan Nasional – Paya Besar) yang ingin tahu mekanisme kerajaan untuk mengatasi pengusaha asing khususnya dari Bangladesh yang menawarkan perkhidmatan pada kos yang lebih murah sehingga dikhuatiri menjejaskan peluang graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Sementara itu, Rafizi berkata, kerajaan akan membentangkan Akta Anti Ali Baba bagi menghalang rakyat tempatan ‘menyewakan’ lesen perniagaan mereka kepada peniaga asing.

“Sebahagian sebab kenapa berlaku fenomena ini ialah kerana penduduk tempatan sendiri yang sewa atau beri lesen perniagaan mereka (kepada warga asing) kerana lebih gemar dapat RM3,000, RM4,000 sebulan.

“Buat masa sekarang kita tidak memiliki undang – undang kursus yang boleh ambil tindakan kepada penduduk tempatan (sehingga) fenomena ini bertambah,” katanya. -
TVS